



KERTAS DATA KESELAMATAN BAHAN (KDKB)

Desediakan menurut ISO 11014-1/ ANSI standard Z400.1-1998

Tarikh Ulangkaji: 13/Oktober/2009

1. IDENTIFIKASI BAHAN/PENYEDIAAN DAN SYARIKAT/AKUJANJI

Nama Produk: CAB-O-SIL® Silika Berwap Tidak Terawat

Sinonim: Silikon Dioksida, Silika Amorfus Sintetik, Silika Amorfus (Berwasap) Pirogenik

KDKB ini sah untuk gredgred berikut: CAB-O-SIL® Silika Berwap, L-50, L-90, LM-130, LM-150, M-5, M-5K, PTG, MS-55, H-5, H-7D, HS-5, EH-5, LM-130D, LM-150D, M-7D, MS-75D, S-17D, HP-60, M-8D, EL-1000, EL-2000, MS-35, H300

Pengunaan Bahan/Penyediaan: Kawalan Reologi, Agen Pelekatan, Agen Peneguhan Dalam: Penyaduran, Pelekatan, Lain-lain

Pembekal:

Cabot Sanmar Ltd.
Raman Nagar Post
Mettur Dam 636-403
Salem INDIA
Tel: (91.4298) 230.394
Faks: (91.4298) 230.382

Cabot Sanmar Ltd.
9, Cathedral Road
Chennai 600-086
Tamil Nadu INDIA
Tel: (91.44) 2812.8568
Faks: (91.44) 2811.4116

Cabot Sanmar Ltd.
407, Swastik Chambers
Mumbai 400-071
INDIA
Tel: (91.22) 5597.3390
Faks: (91.22) 5597.3395

Cabot Sanmar Ltd.
M-2, Third Floor
South Extension Part-II
New Delhi 110-049
INDIA
Tel: (91.11) 4259.7999
Faks: (91.11) 4259.7910

Nombor Telefon Kecemasan: UK: (+44) 1446-709 641
Cabot (Rheinfelden): (+49) 7623.7070
China: (86-792) 3170175
Amerika Syarikat: CHEMTREC: +1-703-527-3887 atau 1-800-424-9300
America Syarikat: Lain-Lain 1-217-253-5595

Lihat Di atas.

2. IDENTIFIKASI BAHAYA

Tanda-tanda bahaya: Bukan zat atau sediaan berbahaya menurut Sistem Diseragamkan Sedunia (GHS)

PERNYATAAN KESELAMATAN – AWAS – Serbuk putih. Tidak berbau. Habuk mungkin merengsa mata dan trek pernafasan.. Pendedahan berulang kali boleh menyebabkan kulit kering atau merekah. Sila ambil langkah-langkah keselamatan terhadap statik pelepasan . Kesemua bahagian logam dari alat pengadun dan pemprosesan mestilah dialurkan ke bumi/tanah. Pastikan semua peralatan dialurkan ke bumi/tanah secara elektrik sebelum operasi pemindahan dimulakan.

Cara-Cara Pendedahan yang Utama: Sedutan, Terkena Kulit, Terkena Mata

KESAN TERHADAP KESIHATAN YANG KEMUNGKINAN

Pendedahan Mata: Boleh menyebabkan kerengsaan mekanikal.

Pendedahan Kulit: Pendedahan secara berulang kali mungkin menyebabkan kekeringan atau keretakan kulit.

Sedutan: Habuk mungkin akan merangsang saluran respirasi. Sediakan ekzos pengudaraan yang sesuai pada peralattandan di tempat di mana habuk boleh dihasilkan. Sila rujuk Bahagian 8.

Tertelan:	Mengikut pengalaman, tidak dijangkakan.
Kesan Karsinogen:	Tidak mengandungi mana-mana bahan yang disenaraikan oleh IARC (International Agency for Research on Cancer), NTP (National Toxicology Program), OSHA (Occupational Safety and Health Administration), ACGIH (American Conference for Governmental Industrial Hygienists) atau EU (European Union). Sila rujuk Bahagian 11.
Organ Sasaran:	Paru-paru
Masalah Perubatan yang Dicituskan Melalui Pendedahan:	Lelah, Penyakit pernafasan (Respiratory disorder)
Kesan Kepada Alam Sekitar yang Kemungkinan:	Tidak memerlukan langkah-langkah penjagaan alam sekitar khas.

3. KOMPOSISI/ MAKLUMAT MENGENAI KANDUNGAN BAHAN

Nama Kimia	Nombor CAS	Nombor EINECS/ELINCS	Berat %	Klasifikasi EU
Silika Pirogenik Amorfus Sintetik	112945-52-5	*	> 99.9	Tiada

* Lihat Bahagian 15.

4. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

Pendedahan Kulit:	Cuci secukupnya dengan sabun dan air. Dapatkan rawatan perubatan jika terdapat kemerahan, bengkak, kegatalan atau lecuran.
Pendedahan Mata:	Bilas mata segera dengan air yang banyak selama 15 minit. Dapatkan rawatan perubatan jika terdapat kemerahan, bengkak, kegatalan, lecuran atau gangguan penglihatan.
Sedutan:	Jika batuk, sesak nafas atau terdapatnya masalah pernafasan yang lain, beralih ke udara yang segar. Dapatkan rawatan perubatan jika kesan-kesan berterusan. Jika perlu, pulihkan pernafasan kepada biasa dengan menggunakan langkah-langkah keselamatan yang am.
Tertelan:	Jangan cuba muntahkannya. Jika masih sedar diri, berikan beberapa gelas air. Jangan sesekali berikan apa-apa menggunakan mulut kepada orang yang tidak sedar diri.
Nota Kepada Doktor:	Rawat sebaik-baiknya mengikut simptom.

5. LANGKAH-LANGKAH MENCEGAH KEBAKARAN

Takat Kilat:	Tidak berkenaan
Had Boleh Terbakar di Udara -Tinggi (%):	Tidak berkenaan
Had Boleh Terbakar di Udara - Rendah (%):	Tidak Berkenaan
Klasifikasi Kebolehbakaran OSHA:	Tidak Boleh Terbakar
Suhu Nyalaan Otomatik:	Tidak berkenaan
Kaedah:	Tidak berkenaan
Alat Pemadam:	Gunakan langkah-langkah pemadaman yang bersesuaian dengan keadaan tempatan dan persekitaran.

Alat Perlindungan Khas untuk Ahli Pemadam Bomba:	Pakai alat perlindungan yang sesuai. Jika berlaku kebakaran, pakai alat pernafasan lengkap sendiri ('Self Contained Breathing Apparatus').
Bahaya yang Spesifik:	Produk tahan nyalaan dan tidak menggalakkan sebaran api.
Hasil Penguraian dan/atau Pembakaran Berbahaya:	Tiada.
Risiko Letupan Habuk:	Bahan ini merupakan habuk tak organik dan tidak akan menghasilkan atau menggalakkan keadaan yang akan menyebabkan letupan habuk atau kebakaran.

6. LANGKAH-LANGKAH MENCEGAH KEMALANGAN

Langkah-Langkah Keselamatan Diri:	Elakkan pembentukan habuk. Pastikan pengudaraan memadai. Gunakan alat perlindungan diri. Sila rujuk Bahagian 8.
Langkah-Langkah Penjagaan Alam Sekitar:	Bersihkan segera dengan vakum. Gunakan pembersih hampagas yang sesuai. Jangan menghasilkan awan habuk dengan menggunakan berus atau udara yang dimampatkan. Kutip dan pindahkan ke dalam bekas yang telah ditandakan dengan elok. Sila rujuk Bahagian 13.
Langkah-Langkah Waspada Alam Sekitar:	Tidak memerlukan langkah-langkah penjagaan alam sekitar yang khas. Pihak berkuasa tempatan perlu dinasihati jika berlakunya tumpahan serius yang tidak dapat dikandung.

7. PENGGUNAAN DAN PENYIMPANAN

Penggunaan:	Elakkan daripada terkena kulit dan mata. Elakkan pembentukan habuk. Jangan sedut habuk. Sediakan ekzos pengudaraan yang sesuai pada peralatan dan di tempat di mana habuk boleh dihasilkan. Jangan menghasilkan awan habuk dengan menggunakan berus atau udara yang dimampatkan. Sila ambil langkah-langkah keselamatan terhadap pelepasan statik. Kesemua bahagian logam dari alat pengadun dan pemprosesan mestilah dialurkan ke bumi/tanah. Pastikan semua peralatan dialurkan ke bumi/tanah secara elektrik sebelum operasi pemindahan dimulakan.
Penyimpanan:	Tutup bekas dengan ketat dan disimpan di tempat yang kering, nyaman ('cool') dan mempunyai pengudaraan yang baik. Jangan simpan bersama dengan bahan kimia yang tidak stabil ('volatile') kerana bahan tersebut mungkin terserap ke dalam produk. Simpan pada suhu udara yang berkelilingan ('ambient temperatures').

8. KAWALAN PENDEDAHAN/ PERLINDUNGAN DIRI

HAD PENDEDAHAN

Silika Amorfus, Had pendedahan mengikut peraturan boleh diketahui di bawah silika umum, CAS RN 7631-86-9:	Australia:	2 mg/m ³ , TWA, Boleh terhirup
	Austria MAK:	4 mg/m ³ , TWA, Pecahan boleh tersedut
	Finland:	5 mg/m ³
	Jerman TRGS 900:	4 mg/m ³ , TWA, Pecahan boleh tersedut (a1)
	India:	10 mg/m ³ , TWA
	Ireland:	2.4 mg/m ³ , TWA, Habuk boleh terhirup
	Norway:	1.5 mg/m ³ , TWA, Habuk boleh terhirup
	Switzerland:	4 mg/m ³ , TWA
	UK WEL:	6 mg/m ³ , TWA, Jumlah pecahan boleh tersedut
	US OSHA PEL:	2.4 mg/m ³ , TWA, Pecahan boleh terhirup

Habuk atau Butiran yang Tidak Dinyatakan Secara Spesifik:	US ACGIH - TLV:	10 mg/m ³ , TWA, Boleh tersedut 3 mg/m ³ , TWA, Boleh terhirup
	Belgium:	10 mg/m ³ , TWA, Boleh tersedut 3 mg/m ³ , TWA, Boleh terhirup
	China:	8 mg/m ³ , TWA 10 mg/m ³ , STEL
	Perancis: 10 mg/m ³ , TWA Habuk tersedut 5 mg/m ³ , TWA Habuk terhirup	
	Itali:	10 mg/m ³ , TWA, Boleh tersedut 3 mg/m ³ , TWA, Boleh terhirup
	Malaysia:	10 mg/m ³ , TWA, Boleh tersedut 3 mg/m ³ , TWA, Boleh terhirup
	Sepanyol:	10 mg/m ³ , VLA, Boleh tersedut 3 mg/m ³ , VLA, Boleh terhirup

(a1) – Cabot Corporation menguruskan kemudahannya di seluruh dunia mengikut had pendedahan Jerman TRGS 900 iaitu 4 mg/m³, TWA, Pecahan Boleh Tersedut

MAK: Maximale Arbeitsplatzkonzentration (Kepekatan Tempat Kerja Maksimum)

OEL : Had Pendedahan Pekerja

PEL: Had Pendedahan Diizinkan

STEL: Had Pendedahan Jangka Pendek

TLV: Nilai Had Ambang

TRGS: Technische Regeln für Gefahrstoffe (Peraturan Teknikal bagi Bahan Berbahaya)

TWA: Purata Wajaran Masa

US ACGIH: Persidangan Ahli Kebersihan Industri Kerajaan Amerika Syarikat

US OSHA: Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Amerika Syarikat

VLA: Valore Limite Ambientales (Nilai Had Alam Sekitar)

WEL: Had Pendedahan Tempat Kerja

KAWALAN KEJURUTERAAN

Pastikan pengudaraan yang memadai untuk mengekalkan pendedahan di bawah had pekerjaan yang ditentukan. Sediakan ekzos pengudaraan yang sesuai pada peralatan dan di tempat di mana habuk boleh dihasilkan.

ALAT PERLINDUNGAN DIRI

Perlindungan Pernafasan:

Alat pernafasan yang dibenarkan mungkin diperlukan jika ekzos pengudaraan tempatan tidak memadai.

Perlindungan Tangan:

Pendedahan secara berulang kali mungkin menyebabkan kekeringan atau keretakan kulit. Gunakan perintang pelindung yang sesuai sebelum mengendalikannya.

Perlindungan Mata:

Pakai alat perlindungan mata/muka.

Perlindungan Kulit dan Badan:

Pakai pakaian perlindungan yang sesuai.

Lain-Lain:

Guna berpandukan amalan kebersihan dan keselamatan industri yang baik. Pencuci mata kecemasan dan paip mandi keselamatan haruslah ditempatkan berdekatan

9. HAKMILIK KANDUNGAN KIMIA DAN FIZIKAL

Keadaan Fizikal:	Serbuk Putih
Bau:	Tiada
pH:	3.6 - 4.5
Takat/ Had Didih:	2230°C
Takat/ Had Cair:	1700°C

Keterlarutan dalam Air:	Tidak terlarut
Ketumpatan Pukal:	30-150 kg/m ³
Graviti Spesifik:	2.2 g/cm ³ @ 20°C
% Kemeruapan(memgikut isipadu):	Tidak berkenaan
Partit Koefisien 'Partition'(n-oktanol/air):	Tidak berkenaan

10. KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

Kestabilan:	Stabil
Pempolimeran Berbahaya:	Pempolimeran berbahaya tidak berlaku.
Kepekaan Mekanikal (kesan penghentakan):	Tidak peka terhadap hentakan mekanikal.
Keadaan yang Perlu Dielakkan:	Elakkan pembentukan habuk.
Bahan Penguraian Berbahaya:	Tiada.
Kesan Pelepasan Statik:	Sila ambil langkah-langkah keselamatan terhadap pelepasan statik. Elakkan pembentukan habuk. Kesemua bahagian logam dari alat pengadun dan pemprosesan mestilah dialurkan ke bumi/tanah. Pastikan semua peralatan dialurkan ke bumi/tanah secara elektrik sebelum operasi pemindahan dimulakan. Bahan ini merupakan habuk tak organik dan tidak akan menghasilkan atau menggalakkan keadaan yang akan menyebabkan letupan habuk atau kebakaran.

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Maklumat yang diberikan adalah berdasarkan data yang diambil daripada zat ini atau daripada zat serupa.

KETOKSIKAN CERDAS

Secara Oral LD50: LD50/secara oral/tikus = > 5000 mg/kg.

Sedutan LC50: Disebabkan ciri-ciri fizikal produk ini, tiada prosedur pengujian yang dapat digunakan.

Dermal LD50: LD50/dermal/arnab = > 2000 mg/kg.

Rangsangan Mata: Markah 'Draize' 0.7/110 @ 24 jam.

Rangsangan Kulit: 0/8 @ 24 hr.

KETOKSIKAN SUBKRONIK

Tidak ada kesan buruk yang besar berkaitan rawatan dicerap pada tikus yang diberikan silika pada dos hingga 8% silika dalam makanan untuk tempoh 2 minggu hingga 6 bulan.

KETOKSIKAN KRONIK

Kesan Karsinogen: Tidak mengandungi mana-mana bahan yang disenaraikan oleh IARC (International Agency for Research on Cancer), NTP (National Toxicology Program), OSHA (Occupational Safety and Health Administration), ACGIH (American Conference for Governmental Industrial Hygienists) atau EU (European Union).

LAIN

Kesan Mutagen:

Tidak mutagen dalam Ujian AMES, Negatif dalam cerakin sintesis DNA tak terjadual, Negatif dalam ujian keabaran kromosom pada sel ovari hamster Cina (CHO).

Ketoksikan Reproduktif: Tidak menunjukkan kesan teratogenik dalam eksperimen pada binatang. Tidak dijangkakan menurut pengalaman.

Kesan Pemekaan: Mengikut pengalaman, pemekaan tidak dijangkakan.

Synergi Bahan 'Synergistic': Tiada yang boleh diteka secara munasabah.

12. MAKLUMAT EKOLOGI

Ketoksikan Akuatik: Ikan (*Brachydanio rerio*) ECO (96 jam) > 10,000 mg/l (Cara: OECD 203).
Daphnia magna ECO (24 jam) > 10,000 mg/l (Cara: OECD 202).

PENYESUAIAN DENGAN PERSEKITARAN

Peralihan: Tidak dijangka akan beralih tempat.

Pengumpulan Bio: Tidak dijangkakan memandangkan ciri fisikokimia zat ini.

Persisten/Degredasi: Cara-cara untuk menentukan biodegradasi tidak berkenaan dengan bahan tak organik

Pengagihan kepada Bahagian-Bahagian Persekitaran: Tidak ditentukan.

13. PERTIMBANGAN UNTUK PEMBUANGAN

Penafian: Maklumat dalam Bahagian ini berkaitan dengan produk sebagaimana ia dihantar dalam keadaan yang diniatkan seperti yang dinyatakan oleh Bahagian 2 dalam KDKB ini. Pencemaran atau pemprosesan mungkin akan mengubah ciri-ciri dan keperluannya pembuangan produk. Peraturan mungkin juga berkait guna dengan bekas kosong, pengalas atau pembilas. Peraturan negeri/daerah mungkin berbeza dari peraturan persekutuan.

Klasifikasi RCRA (40 CFR 261): Bukan sisa buangan berbahaya.

Produk yang Tidak Digunakan atau Dicemarkan: Produk ini, sebagaimana dibekalkan, harus dilupuskan sejajar dengan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Pertimbangan yang sama juga harus diberikan bagi bekas dan bungkusannya.

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Tidak diklasifikasikan sebagai berbahaya dalam makna peraturan pengangkutan.

- Bahagian Pengangkutan Amerika Syarikat
- Peraturan Pengangkutan Barang Dagangan Berbahaya Kanada
- Peraturan Pengangkutan Barang Dagangan Berbahaya Eropah
- GGVS, GGVE, RID, ADR, Kod IMGD, ICAO-TI
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (tiada nombor PBB)

15. MAKLUMAT PENGAWALATURAN

Maklumat kawalatur didapati di bawah silika umum: CAS RN 7631-86-9, EINECS RN 231-545-4.

Klasifikasi Bahaya

Amerika Syarikat – OSHA (29 CFR 1910.1200): Berbahaya.

15. MAKLUMAT PENGAWALATURAN

Mexico – NOM-018-STPS-2000: Rujuk Kadar HMIS dalam Bahagian 16.

Kanada – Klasifikasi WHMIS (CPR, SOR/88-66): Tidak dikawal.

Produk ini telah diklasifikasikan menurut kriteria bahaya dari Peraturan Produk Terkawal dan KDKB ini mengandungi semua maklumat yang diperlukan oleh Peraturan Produk Terkawal.

Nama Kimia	WHMIS Ingredient Disclosure List:
Silika Pirogenik Amorfus Sintetik	General Silica, CAS RN 7631-89-9, is Listed

Inventori Antarabangsa

Semua komponen produk ini disenaraikan pada atau dikecualikan dari inventori-inventori berikut:

- YA - Inventori Zat Kimia Australia (AICS)
- YA - Senarai Zat Dalam Negeri (DSL) Kanada
- YA - Inventori China
- YA - Inventori Zat Kimia Komersial Wujud Eropah (EINECS)
- YA - Zat Kimia Wujud dan Baru Jepun (ENCS)
- YA - Inventori Zat Kimia Wujud Korea (KECL)
- YA - Akta Zat Berbahaya dan Organisma Baru New Zealand (HSNO)
- YA - Inventori Kimia dan Zat Kimia Filipina (PICCS)
- YA - Inventori Akta Kawalan Zat Toksik (TSCA) Amerika Syarikat

Peraturan Persekutuan Amerika Syarikat

Pemberitahuan Eksport TSCA 12(b): Produk ini tidak mengandungi mana-mana komponen yang tertakluk kepada TSCA 12(b) Export Notification.

Pindaan Akta Udara Bersih 1990 (CAA, Seksyen 112, 40 CFR 82): Produk ini tidak mengandungi mana-mana komponen yang disenaraikan sebagai Pencemar Udara Berbahaya, Bahan Boleh Terbakar, Bahan Toksik, atau Penipis Ozon Kelas 1 atau 2.

Akta Air Bersih (CWA, 40 CFR 116) Zat Pencemar Utama: Produk ini tidak mengandungi mana-mana Pencemar Keutamaan ('Priority Pollutants') yang disenaraikan.

Akta Tindak Balas, Pampasan dan Liabiliti Seluruh (CERCLA, 40 CFR 302): Produk ini tidak mengandungi mana-mana Bahan Berbahaya yang disenaraikan.

Superfund Amendments and Reauthorization Act, Tajuk III (SARA):

SARA Seksyen 302 (40 CFR 355) Bahan Amat Berbahaya: Tiada komponen yang disenaraikan sebagai bahan amat berbahaya di bawah SARA Seksyen 302.

SARA Seksyen 311/312 (40 CFR 370) Kategori Bahaya: Produk ini tidak memenuhi mana-mana definisi Kehendak MSDS bagi bahan berbahaya di bawah SARA Seksyen 311/312. Laporan mungkin perlu dibuat jika bahan tersebut pada mana satu masa muncul dalam jumlah yang sama dengan atau lebih daripada 10,000 paun.

SARA Seksyen 313 (40 CFR 372) Inventori Pelepasan Toksik: Tidak mengandungi mana-mana bahan yang dikenalpasti di bawah Seksyen 313 sebagai bahan kimia toksik yang melebihi konsentrasi 'de minimis' yang membuatnya mesti tertakluk kepada arahan ini.

Pengurusan Pemakanan dan Perubatan (Food and Drug Administration (FDA)):

Penggunaan CAB-O-SIL telah diluluskan oleh Food and Drug Administration (FDA) Amerika Syarikat untuk banyak pendaftaran makanan sebagai kedua-dua penambah perisa makanan secara langsung dan sebagai bahan yang dibenarkan dalam pengeluaran benda-benda yang bersentuhan terus dengan makanan dalam pelbagai operasi penghasilan, pengeluaran, pembungkusan, persediaan, pengangkutan dan pegangan. Seksyen yang berkaitan terdapat dalam Tajuk 21 Code of Federal Regulations, Bahagian 172 Food Additives Permitted for Direct Addition to Food for Human Consumption. Maklumat yang lebih tentang penggunaan CAB-O-SIL silica berwap dalam makanan dapat diperolehi dalam penerbitan "CAB-O-SIL Fumed Silica as a Conditioning Agent for the Food Processing Industry".

Penggunaan Kosmetik: Disenaraikan oleh Cosmetic, Toiletry and Fragrance Association (CTFA) untuk penggunaan dalam kosmetik dan produk penjagaan diri..

Maklumat Berkenaan dengan Farmasi/ Ilmu Ubat: Not Recommended.

Peraturan Negeri Amerika Syarikat

California Proposition 65: Produk ini tidak mengandungi mana-mana komponen yang tertakluk kepada California Proposition 65.

Produk ini tidak disenaraikan dalam California Proposition 65.

Senarai Logam-logam US Coalition of NorthEastern Governors (CONEG): Produk ini menepati had CONEG Source Reduction Council untuk jumlah tahap karbon, kadmium, merkuri dan kromium heksavalen yang kurang daripada 100 bahagian per juta dalam berat.

16. MAKLUMAT LAIN

Kadar HMIS

Indeks HMIS: * - kronik, 0 – minima, 1 – sedikit, 2 – sederhana, 3 – serius, 4 – teruk

Kesihatan:	1
Kebolehbakaran:	0
Bahaya Fizikal:	0

Kemudahan Asia Pasifik:

Lihat Seksyen 1.

Disediakan Oleh:	Cabot Corporation – Urusan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar
Rikh Semakan:	13/Oktober/2009
Tarikh Semakan Sebelumnya:	13/Jun/2006
Tujuan Semakan:	Semakan menyeluruh

Penafian:

Maklumat yang dibentangkan ini adalah berdasarkan maklumat yang Cabot Corporation percaya adalah tepat. Tiada waranti dimaksudkan, secara nyata mahupun tersirat. Maklumat ini diberikan semata-mata untuk maklumat dan pertimbangan anda. Cabot tidak bertanggung jawab di sisi undang-undang atas penggunaan atau pergantungan pada maklumat ini. Jika ada perbezaan antara maklumat dalam dokumen bukan berbahasa Inggeris dengan dokument bahasa Inggeris, dokumen yang sah ialah dokumen Inggeris.

® dan 'TM' menunjukkan cap dagangan Cabot Corporation.